

RazakSAT satelit komersial kedua negara

u-m 2/10/07 M/S 3

RAZAKSAT merupakan satelit remote sensing (penderiaan) Malaysia yang kedua dengan kemampuan setanding dengan satelit *remote sensing* komersial sedia ada.

Teknologi satelit ini merupakan yang terunggul di rantau ini.

Ia dibina dengan kerjasama syarikat SaTReci Co. Ltd. dari Korea dan akan dilancarkan tahun depan dari Pulau Kwajelin, kepulauan Micronesia di Lautan Pasifik oleh roket Falcon 1.

Satelit yang dahulunya dikenali sebagai MACSAT (Satelit Kamera Bukan Sederhana) itu, ditukarkan kepada RazakSAT oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada 7 Ogos 2003 sebagai penghormatan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak.

RazakSAT yang akan membawa kamera imejan kecil ke dalam orbit merupakan satelit pemantau yang berupaya merakamkan imej-imej di permukaan bumi negara.

Resolusi imej yang akan diperolehi oleh RazakSAT adalah 2.5m (pankromatik) dan 5.0m (multispektral), iaitu merupakan 16 kali ganda berbanding resolusi satelit TiungSAT-1.

Kedua-dua ciri ini antara lain akan digunakan untuk melakukan pemetaan prasarana, memantau lalu lintas kapal, melakukan pemetaan geologi

dan memantau ekosistem marin.

Reka bentuk dan pembangunan satelit ini dan muatannya, Medium-sized Aperture Camera (MAC) telah dilakukan bersama oleh jurutera-jurutera Malaysia dan Korea Selatan selama kira-kira lima tahun.

Seramai 60 jurutera Malaysia telah terlibat dalam semua aspek reka bentuk, pembangunan dan pembuatan satelit dari awal sehingga satelit siap sepenuhnya.

RazakSAT mempunyai misi yang sama dengan TiungSAT, satelit ketiga Malaysia selepas Measat 1 dan Measat 2 yang dilancarkan pada September 2000, tetapi mempunyai kemampuan penderiaan yang jauh lebih tinggi dan mempunyai banyak kelebihan.

RazakSAT akan ditempatkan 600km atau 700km dari Bumi dalam kedudukan Orbit Hampir Khatulistiwa (NEO).

Data-data dari satelit RazakSAT boleh digunakan oleh pelbagai agensi seperti Pusat Remote Sensing Negara, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan banyak lagi.

Ia dapat digunakan bagi tujuan pemetaan, pemantauan persekitaran pantai, pertanian, pembangunan bandar dan juga bagi tujuan strategik.